

**NO. SOALAN: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa laporan lengkap siasatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi pendatang tanpa izin di Sabah tidak dibentang di Parlimen (hingga ke hari ini) selepas tamat tempoh siasatannya pada 21 Mei 2014 dan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana yang dimaklumi, Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah yang ditauliahkan pelantikannya oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 21 September 2012 dan berakhir pada 22 Mei 2014 telah pun menyiapkan laporan hasil siasatannya. Suruhanjaya ini juga telah selesai mempersembahkan laporan siasatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 14 Mei 2014 selaras dengan tauliah penubuhan Suruhanjaya ini untuk menyerahkan laporan lengkap setelah siasatan diselesaikan. Kerajaan akan memberi perhatian yang serius terhadap laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah ini.

Sekian. Terima kasih.